



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/7/2011

Sistem perundangan negara perlu transformasi

PUTRAJAYA: Undang-undang dan sistem perundangan negara tidak harus terkecuali daripada transformasi berdasarkan perkembangan semasa global bagi melengkapkan perubahan Malaysia secara menyeluruh ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, kata Datuk Seri Najib Razak.

Berucap pada majlis perasmian Pusat Pengajian Undang-Undang dan Perundangan Antarabangsa (I-CeLLS) di Jabatan Peguam Negara di sini semalam, Perdana Menteri menegaskan bahawa akademi seumpama itu amat penting bagi memastikan undang-undang negara kerap dikaji dan ditambah baik.

Katanya, dalam usaha menjadi negara maju, Malaysia perlu me-

nyesuaikan peraturan dan konvensyen antarabangsa seperti Inisiatif Perubahan Iklim dan Penambahbaikan Kanun Acara Jenayah supaya memenuhi tuntutan antarabangsa dan pada masa sama, sesuai diguna pakai dalam negara.

"Umpamanya, Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim yang semestinya perlu dirunding pada peringkat antarabangsa tetapi harus juga melindungi kepentingan dalam negara bagi mewujudkan keseimbangan yang boleh diterima pakai semua pihak.

"Ini bukan saja bagi melindungi kepentingan rakyat, sebaliknya menjadi perisai kepada negara kita yang berada di ambang mencapai

status negara maju, sekali gus membolehkan sebarang pertikaian diselesaikan secara rundingan dan bukannya menerusi konflik bersenjata.

"Justeru, walaupun I-CeLLS ini ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara, saya harap ia berfungsi sebagai entiti bebas demi kepentingan rakyat dan negara," katanya yang juga penaung I-CeLLS.

Hadir sama, Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Ketua Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Sementara itu, Abdul Gani, pada sidang akhbar selepas majlis itu, berkata I-CeLLS akan menumpukan terhadap undang-undang ber-

kepentingan sejagat dan hukuman yang dianggap belum lagi memberi kesan yang ketara bagi mencegah jenayah tertentu.

"Umpamanya, undang-undang berkaitan hidupan liar, alam sekitar dan jenayah tertentu, perlu dikaji secara terperinci, bukan saja bagi memastikan ia berkesan tetapi pelaksanaannya juga harus berupaya menjadi faktor mencegah berulangnya jenayah yang sama," katanya.

Ditanya mengenai isu Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dan perhimpunan haram yang dirancang hari ini, Abdul Gani enggan mengulas lanjut kerana belum menerima sebarang kertas siasatan atau makluman daripada pihak polis mengenainya.